

B529

MAHATHIR-MAJLIS

1981

KUALA LUMPUR, 28 JUN (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG BARU DILANTIK DIJANGKA PKAN MENGADAKAN SIDANG PERTAMANYA SEBELUM 15 JULAI, BEBERAPA HARI SEBELUM DATUK HUSSEIN ONN MENGOSONGKAN JAWATAN PERDANA MENTERI PADA 16 JULAI.

MESYUARAT ITU YANG AKAN DIPENGERUS IKAN OLEH PRESIDEN BARU UMNO DAN BAKAL PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DIJANGKA AKAN MENGESAHKAN PERLANTIKAN ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS YANG BARU.

DI BAWAH PERLEMBAGAAN UMNO; PRESIDEN PARTI DIBERI KUASA MELANTIK TUJUH ORANG ANGGOTA BIASA SELAIN DARIPADA SETIUSAHA AGUNG, BENDAHARI DAN KETUA PENERANGAN.

SETIUSAHA AGUNG UMNO YANG ADA SEKARANG, DATUK HAJI MUSTAPHA JABAR, TELAH MENYATAKAN KESEDIAANNYA UNTUK TIDAK DILANTIK SEMULA BAGI MEMBOLEHKAN CALON YANG TEWAS DALAM PEMILIHAN TIMBALAN PRESIDEN BARU-BARU INI MEMEGANG JAWATAN TERSEBUT.

—BERSAMBUNG 1228/AN

MAHATHIR-MAJLIS 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PEMBERITAHARI INI MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL AKAM BERMESYUARAT 15 JULAI DEPAN UNTUK BERBINCANG DAN MELANTIK PENERUSI BARU.

BELIAU DIJANGKA AKAN DILANTIK MEMEGANG JAWATAN TERSEBUT BAGI MENGGANTIKAN DATUK HUSSEIN YANG MUNGKIN MENGUMUMKAN PERLETAKAN JAWATANNYA DALAM MESYUARAT ITU.

SEBELUM MESYUARAT ITU, DATUK HUSSEIN DIJADUAL MEMPENGERUS IKAN SIDANG JEMAH MENTERI UNTUK KALITERAKHIR PADA SEBELAH PAGI HARI TERSEBUT.

PADA 16 JULAI, DATUK HUSSEIN DIJANGKA MENGADAP YANG DI-PERTUAN AGUNG DIKUTI DENGAN UPACARA MENGANGKAT SUMPAH JAWATAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI PERDANA MENTERI YANG KEEMPAT.

—BERNAMA 1243/AN

B546

MAHATHIR-MAJLIS 3 KUALA LUMPUR

DITANYA BILA SENARAI ANGGOTA KABINETNYA BOLEH DIJANGKA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN MENGUMUKANNYA TIDAK LAMA LAGI.

BELIAU BERKATA PERDANA MENTERI MEMPUNYAI PREROGATIF UNTUK MEMBUAT PILIHAN SIAPA YANG AKAN MENGANGGOAI KABINETNYA, BELIAU JUGA BEBAS UNTUK MERUNDINGKAN DENGAN SIAPA DALAM MENCAPAI KEPUTUSAN.

+ADALAH PERKARA BIASA BAGI PERDANA MENTERI MERUNDINGKAN SEKURANG-KURANGNYA DENGAN ORANG YANG AKAN DILANTIK MEMEGANG JAWATAN KABINET, SAMA ADA ORANG ITU MAHU ATAU TIDAK, + KATA BELIAU.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI DATUK HUSSEIN ONN YANG AKAN BERSARA MEMBERITAHU PERHIMPUNAN ITU BELIAU MEMILIH 16 JULAI SEBAGAI TARIKH PERLETAKAN JAWATAN ATAS PERMINTAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MAHUKAN CUKUP MASA BAGI MENENTUKAN PERALIHAN KUASA BERJALAN DENGAN LICIN+.

—BERNAMA 1350/AN

MAHATHIR - MAJLIS 4 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA 546)

MENGENAI KOMPOSISI MAJLIS TERTINGGI YANG BARU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA SENOQGUH-SEIMBANG.

SEBARANG KEKURANGAN AKAN DIPERBAIKI MELALUI PERLANTIKAN BEBERAPA ORANG ANGGOTA LAIN, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT PEMILIHAN BEBERAPA ORANG MENTERI BESAR DAN SEORANG KETUA MENTERI DALAM MAJLIS ITU MUNGKIN MEMBAYANGKAN YANG MEREKA AKAN MEMAINKAN PERANAN LEBIH BESAR DALAM PERJALANAN PARTI. — BERNAMA 1430/MK